

# Kenyataan Tender Bil. 39/2024

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dan/atau **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH TENDER DIBUKA, TAKLIMAT TAPAK DAN TENDER DITUTUP
2024/A193	Perkhidmatan Pembersihan Tempat Letak Kereta Bertingkat PPR Intan Baiduri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun  <b>Harga Dokumen: RM300.00</b>	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<b><u>Tarikh Tender Dibuka</u></b> 27 November 2024(Rabu)  <b><u>Tarikh Tender Ditutup</u></b> 16 Disember 2024 (Isnin)
2024/A194	Cadangan Kerja – Kerja Menyelenggara Infrastruktur Jalan Dan Taman Permainan Kanak – Kanak Serta Kerja – Kerja Berkaitan Di Kawasan Perumahan DBKL (PA/PPR) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun  <b>Harga Dokumen: RM400.00</b>	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G4 Kategori CE Pengkhususan CE01 Dan CE21 Dan CE42	<b><u>Tarikh Taklimat Tapak</u></b> 4 Disember 2024 (Rabu)  <b><u>9.30 Pagi – 10.30 pagi</u></b> <b>Dewan PPR Seri Alam</b> <b>Off Jalan Istana, Pudu</b> <b>57100, Kuala Lumpur</b>  <b><u>Tarikh Tender Ditutup</u></b> 23 Disember 2024 (Isnin)

1. Bagi pembelian dokumen tender, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my). Petender hendaklah
2. memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen tender dijalankan **secara atas talian** sahaja.
3. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)
4. Dokumen Tender **2024/A194** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.

5. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2024/A194** adalah **DIWAJIBKAN. HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA** yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
- i. Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB (2024/A194)
  - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB (2024/A194)
  - iii. Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (2024/A194)
  - iv. Cop Syarikat (Rubber Stamp)
  - v. Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Tender dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ([www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)) dan laman sesawang eperolehan DBKL ([eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)).

**DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

Tarikh Iklan : 27 November 2024 (Rabu)

Laman Sesawang : [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my) dan [eperolehan.dbkl.gov.my](http://eperolehan.dbkl.gov.my)